

# Seminar Cinta Negara

Oleh Nan Syahirah Long Padang

[syahirahchocky@gmail.com](mailto:syahirahchocky@gmail.com)



Rasmalzan ketika merasmikan Seminar Cinta Negara

Foto Oleh Nan Syahirah Long Padang

KOTA KINABALU, 11 MAC—Penolong Pengarah Biro Tatanegara Negeri Sabah di bawah Jabatan Perdana Menteri, Mohd Rasmalzan Bin Abdul Rashad merasmikan Seminar Cinta Negara bertempat di Dewan Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada pukul 9 malam.

Seminar yang diadakan sempena Pertandingan DEBORA KKTF 2017 bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar UMS berkenaan pengurusan kewangan yang bijak.

Majlis ilmu tersebut berlangsung pada malam hari pertama Pertandingan DEBORA dan dilihat mendapat sambutan ramai mahasiswa UMS terutamanya residen dari Kolej Kediaman Tun Fuad.

Rasmalzan merupakan wakil daripada Biro Tatanegara Negeri Sabah yang merupakan organisasi utama daripada badan kerajaan yang memberi sumbangan dalam Pertandingan DEBORA 2017 dan merupakan alumni UMS.

**“Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sepatutnya pandai merancang perbelanjaan sewaktu menutut di Universiti serta menggunakan Pinjaman PTPTN dengan berwaspada”, kata Rasmalzan.**

Beliau memberikan motivasi yang menjadi pegangan hidupnya bahawa “ Tuhan tidak memberi apa yang kita mahu tetapi Tuhan bagi apa yang kita perlu. Justeru mahasiswa seharusnya bersyukur dapat melanjutkan pelajaran di Universiti dan tidak mensia-siakan peluang yang ada,” tambah beliau.

“Mahasiswa pada masa kini seharusnya menggunakan wang untuk keperluan dengan bijak dan tidak seharusnya membazir dan menggunakan wang untuk membeli Iphone yang tidak penting”, tegas beliau ketika mengulas laporan akhbar yang menunjukkan 89% mahasiswa rela berlapar demi Handphone.

Dalam pada itu, beliau menegaskan supaya mahasiswa perlu memiliki pengetahuan berkaitan isu yang berlaku dalam negara dan tidak membuat tuduhan yang tidak berasas kepada pemimpin negara.

“Mahasiswa tidak seharusnya terikut-ikut dengan pandangan negatif yang tidak mempunyai asas yang kukuh”, tambah beliau ketika penutupan Majlis Seminar Cinta Negara.



Seorang pelajar komunikasi menyuarakan persoalan selepas sesi ceramah seminar

Foto Oleh Nan Syahirah Long Padang